

# RIWAYAT PERAWI *MAJHUL* ANTARA PENSAHIHAN DAN PENDHAIFAN

A Irwan Santeri Doll Kawai<sup>i</sup>, Helimy Aris<sup>ii</sup>, Shumsudin Yabi<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel: [a.irwan@usim.edu.my](mailto:a.irwan@usim.edu.my)

<sup>ii</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel: [helimy@usim.edu.my](mailto:helimy@usim.edu.my)

<sup>iii</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel: [shumsudin@usim.edu.my](mailto:shumsudin@usim.edu.my)

## ABSTRAK

Perawi *majhul* adalah perawi yang tiada kepastian tentang personaliti dan status kredibiliti mereka dalam meriwayatkan hadis. Hal ini disebabkan tidak ditemukan komentar ulama tentang status kredibiliti mereka dan hanya beberapa orang perawi sahaja yang meriwayatkan daripada mereka. Ketidakpastian ini menyebabkan mereka dianggap *dhaif* oleh sesetengah ulama dan begitu juga dengan riwayat yang diriwayatkan oleh mereka. Namun, terdapat juga ulama yang menerima hadis perawi *majhul* dan tidak menganggap hadisnya sebagai *dhaif*. Hal ini disebabkan mereka menganggap ketidakpastian tentang personaliti dan kredibiliti perawi tidak boleh dijadikan bukti tentang kedhaifan perawi. Bagi mereka, perawi *majhul* hanya dinilai *dhaif* jika terbukti terdapat percanggahan riwayat mereka dengan riwayat perawi yang lebih berkerdibiliti daripada mereka atau wujud kesilapan dalam riwayat mereka. Kertas kerja ini cuba menganalisis hadis yang diriwayatkan oleh perawi *majhul* serta menilai pandangan ulama terhadap status hadis-hadis tersebut.

**Kata-kata kunci:** *jahalah, majhul, perawi*.

## PENGENALAN

Istilah Mahjul adalah antara istilah berkaitan perawi yang banyak digunakan dalam ilmu hadis. Dari sudut etimologi, kata *Majhul* berasal daripada kata ‘jahila’ (جهل) yang bererti tidak mengetahui.<sup>27</sup> Kata ‘majhul’ yang merupakan kata terbitan perkataan tersebut bermaksud orang atau benda yang tidak diketahui atau dikenali. Kata terbitan kata kerjanya pula adalah ‘al-Jahl’ (الجهل) dan ‘al-Jahalah’ (الجهالة).<sup>28</sup> Penggunaan istilah ini dari sudut bahasa pada perawi hadis menggambarkan bahawa dia tidak dikenali oleh para ulama. Namun, apakah maksud sebenar istilah ini di sisi ulama hadis, adakah ia bermaksud bahawa perawi tersebut tidak dikenali oleh sesiapa pun atau terdapat penjelasan lain tentangnya, apakah status periwayatan mereka dan

<sup>27</sup> Ibnu Manzur, Muhammad bin Mukram. T.t. Lisan al-‘Arab. Beirut: Dar Shadir. Jld. 11. Hlm 129.

<sup>28</sup> *Ibid.*

jika periwayatan mereka ditolak, apakah dasar penolakannya dan di tahap manakah penolakan terhadapnya? Jika hadis mereka diterima pula atas dasar apakah riwayat mereka diterima?

Perbincangan tentang perawi yang meriwayatkan hadis bermula apabila di zaman awal perkembangan Islam, hadis Nabi SAW telah menerima cabaran besar lantaran berlaku pemalsuan terhadapnya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Untuk mengelakkan perkara ini daripada berleluasa dan bertambah parah, para ulama berusaha melakukan pelbagai cara bagi mengekang dan menanganinya. Antara usaha yang mereka adalah dengan tidak menerima periwayatan daripada perawi yang meragukan, mengkaji sanad dan perawi, membukukan hadis, mendedahkan keadaan perawi dan sebagainya.<sup>29</sup> Ekoran itu juga, mereka meletakkan syarat-syarat penerimaan hadis. Syarat tersebut adalah: (i) sesuatu hadis itu mestilah diriwayatkan dengan sanad yang bersambung, (ii) diriwayatkan oleh para perawi yang bersifat *al-'Adalah*<sup>30</sup> dan (iii) diriwayatkan oleh para perawi yang bersifat *al-Dhabt*<sup>31</sup>, (iv) tidak terdapat *al-Syuzuz*<sup>32</sup> dan (v) tidak terdapat *al-Illah*<sup>33</sup> pada matan dan sanadnya.<sup>34</sup> Berkaitan syarat *al-'Adalah*, syarat ini dijelaskan dengan beberapa kriteria, iaitu perawi mestilah:

1. Beragama Islam
2. Baligh
3. Berakal
4. Tidak fasik amalan atau akidah.
5. Menjaga Muruah (المرء).<sup>35</sup>

Berdasarkan kriteria syarat *al-'Adalah*, dapat difahami bahawa perawi yang bukan Islam, tidak baligh, gila, fasik, dan tidak bermuruah dia tidak diterima hadisnya.<sup>36</sup> Kriteria ini disyaratkan bagi mengelakkan orang yang tidak berkelayakan atau bermasalah dari sudut agama atau periwayatan diterima hadis mereka lalu riwayat mereka yang berkemungkinan tidak benar akan menimbulkan masalah kepada ajaran Islam.

<sup>29</sup> Abu Syahbah, Muhammad bin Muhammad. 1403H. al-Wasit fi 'Ulum wa Mustalah al-Hadith. Dar al-Fikr al-'Arabiyy. Hlm. 11.

<sup>30</sup> Al-'Adalah (العدالة) adalah satu sifat yang bererti budi pekerti yang baik dan bertakwa. Lihat Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali al-Asqalani. 1997. Nuzhah al-Nazar fi Taudih Nukhbah al-Fikar. 'Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah, hlm. 69.

<sup>31</sup> Al-Dhabt dari sudut bahasa adalah ikatan. Dari sudut istilah pula adalah kemampuan seorang perawi dalam menyampaikan sesuatu hadis yang diterimanya dengan sempurna walaupun hanya dari sudut maknanya sahaja. Dhabt terbahagi kepada dua: Dhabt Sadr (ضبط صدر) : iaitu kemampuan perawi dalam menyimpan sesuatu hadis dalam ingatan dan menyampaikannya sepertimana dia mendengarnya. Dhabt Kitab (ضبط كتاب) : iaitu kemampuan perawi dalam menyimpan sesuatu hadis dalam catatan tulisan dan menyampaikannya sepertimana dia mendengarnya setelah dia memeliharanya atau mencatatkannya. Ibn Hajar, ibid, hlm. 69.

<sup>32</sup> Abu Syahbah, op cit. hlm. 228.

<sup>33</sup> al-Syuzuz ialah suatu percanggahan periwayatan di antara seorang perawi yang thiqah dengan periwayatan perawi-perawi thiqah yang lain. Abu Syahbah, ibid. hlm. 228.

<sup>34</sup> Illah pula ialah suatu kesilapan halus yang terdapat dalam sesuatu hadis yang menyebabkannya dianggap bermasalah. Ibid. hlm. 228.

<sup>35</sup> Ibn Salah, 'Utman bin 'Abd al-Rahman. 2001. al-Muqaddimah. Beirut: al-Maktabah al-'Ashriyyah. Hlm. 13.

<sup>36</sup> Ibid. Hlm. 104.

<sup>37</sup> Abu Syahbah, Muhammad bin Muhammad. 1411H. Difa' 'an al-Sunnah wa Rad Syubah al-Mustasyiqin wa al-Kuttab al-Mu'asirin. Cet. 1. Beirut: Dar al-Jail. Hlm 209.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode kualitatif secara analisis kandungan. Data-data dikumpulkan menggunakan kaedah analisis dokumen primer dan sekunder menerusi pembacaan buku-buku, artikel, dan makalah ilmiah. Bahan rujukan utama penulis ialah kitab berkaitan ilmu hadis dan Ilmu Rijal. Manakala, data analisis menggunakan metode deskriptif melalui analisis kandungan.

## DEFINISI

Istilah *majhul* adalah antara istilah awal yang digunakan oleh para ulama ketika memberi gambaran tentang keadaan kredibiliti perawi hadis. Imam ‘Ali bin al-Madini (w 234 H), Abu Hatim (w 277 H) dan Ibn Abi Hatim (w 327 H) antara ulama hadis awal yang dikesan menggunakan istilah ini ketika mereka memberi komentar tentang keadaan perawi hadis.<sup>37</sup> Namun penggunaan mereka terhadap istilah ini dilihat hanyalah berbentuk penggunaan dari sudut bahasa, iaitu perawi tersebut tidak dikenali.<sup>38</sup> Penggunaan mereka tidak mengandungi maksud lain selain maksud tersebut.

Konotasi istilah ini mula menunjukkan kepada maksud tertentu setelah dijelaskan buat pertama kalinya oleh Imam al-Khatib al-Baghdadi (w 463 H).<sup>39</sup> Menurut beliau: “Dia adalah perawi yang tidak terkenal dengan menuntut ilmu, para ulama tidak mengenalinya, dan hadisnya hanya diketahui diriwayatkan daripada seorang perawi sahaja... Bagi menghilangkan sifat ‘tidak dikenali’ (الجهالة) daripadanya hendaklah terdapat dua orang atau lebih ulama yang masyhur yang meriwayatkan daripadanya. Namun, perkara ini tidak akan menyebabkan dia menjadi ‘adil walaupun ada pihak yang beranggapan begitu.’”<sup>40</sup>

Daripada penjelasan beliau, dapat disimpulkan bahawa terdapat tiga kriteria bagi perawi *majhul*, iaitu 1. Tidak dikenali dengan menuntut ilmu 2. Para ulama tidak mengenalinya 3. Hanya seorang sahaja yang meriwayatkan hadis daripadanya. Selain itu, bagi menghilangkan sifat ‘tidak dikenali’ daripada perawi tersebut, perlu terdapat dua orang atau lebih tokoh ulama yang meriwayatkan daripadanya.

Bagi Imam Ibn al-Salah (w 643 H), perawi *majhul* ada beberapa jenis, 1. Perawi yang tidak diketahui ‘Adalahnya secara zahir dan batin<sup>41</sup>, 2. Perawi yang tidak diketahui ‘Adalahnya secara batin sahaja. Perawi ini juga diistilahkan dengan *al-Mastur*. 3. Perawi yang tidak diketahui personalitinya (*Majhul al-‘Ain*).<sup>42</sup>

---

<sup>37</sup> Al-Tabisyi, Sultan Fahd. Al-Majhul al-Lazi Sahhaha Abu Hatim al-Razi Hadithahu. Hauliyyah Markaz al-Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah, 6 (17). Hlm. 323.

<sup>38</sup> Ibid. Hlm. 323.

<sup>39</sup> Qasim Muhammad Ghanam & Ahmad Abdullah Ahmad. 2004. Al-Majhul ‘inda al-Imam ‘Ali ibn al-Madini. Al-Manarah, 10 (1). Hlm 360.

<sup>40</sup> Al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakar ‘Ali bin Thabit. 1972. Al-Kifayah fi ‘Ilm al-Riwayah. Kaherah: Al-Kutub al-Hadithah. Hlm. 88.

<sup>41</sup> Menurut sebahagian pengkaji, yang dimaksudkan dengan tidak diketahui ‘secara zahir’ adalah tentang beragama Islam, telah baligh dan berakal dan maksud tidak diketahui ‘secara batin’ pula adalah bersifat dengan sifat bermaruah dan tidak fasik. Al-Tabisyi, op cit. Hlm. 334.

<sup>42</sup> Ibn Salah, op cit, hlm. 223.

Imam al-Iraqi (w 806 H) sama dengan Ibn al-Salah (w 643 H) dalam membahagikan *majhul* kepada tiga jenis. Beliau menyatakan dalam kitab *nazamnya*:

وَاحْتَلُّوْهُا: هَلْ يُقْبِلُ الْمَجْهُولُ؟ ... وَهُوَ -عَلَى ثَلَاثَةِ- مَجْهُولٌ

مَجْهُولُ عَيْنٍ: مَنْ لَهُ رَأِيٌ فَقَطُّ ... وَرَدَّهُ الْأَكْثَرُ، وَالْقَسْمُ الْوَسَطُ:

مَجْهُولُ حَالٍ بَاطِنٍ وَظَاهِرٍ ... وَحُكْمُهُ: الرَّدُّ لَدَى الْجَمَاهِيرِ،

وَالثَّالِثُ: الْمَجْهُولُ لِلْعَدَالَةِ ... فِي بَاطِنٍ فَقَطُّ. فَقَدْ رَأَى لَهُ

حُجَّيَّةً - فِي الْحُكْمِ - بَعْضُ مَنْ مَنَعْ ... مَا قَبْلَهُ، مِنْهُمْ (سُلَيْمَانُ) فَقَطَّ

Terjemahan: “Mereka (ulama) berselisih pandangan tentang *majhul* adakah riwayatnya diterima. Ia terbahagi kepada tiga: 1. *Majhul ‘Ain*, iaitu perawi yang hanya meriwayatkan daripadanya seorang perawi. Kebanyakkan ulama menolak hadisnya. 2. Yang di tengah adalah keadaannya *majhul* secara zahir dan batin. Hukum hadisnya ditolak oleh majoriti ulama. Yang ketiga: *Majhul al-‘Adalah* secara batin sahaja. Setengah ulama yang menolak bahagian sebelumnya – iaitu *Majhul al-‘Ain* – menerimanya, iaitu seperti Imam Sulaim.”<sup>43</sup>

Imam Ibn Hajar (w 852 H) juga mempunyai beberapa penjelasan tentang perawi *majhul*. Dalam kitab beliau, iaitu Nuzhah al-Nazar, beliau hanya membahagikan al-*Majhul* kepada dua bahagian sahaja iaitu *Majhul al-‘Ain* dan *Majhul al-Hal*. Menurut beliau, *Majhul al-Hal* adalah sinonim dengan *al-Mastur* iaitu perawi yang telah diketahui identitinya (*‘Ain*) tetapi tidak diketahui kredibilitinya. *Majhul al-‘Ain* pula ialah perawi yang diketahui namanya tetapi tidak diketahui identitinya dan hanya seorang sahaja yang meriwayatkan hadis daripadanya. Hukum hadisnya adalah tidak diterima seperti hadis perawi *Mubham* iaitu yang tidak diketahui namanya (perawi) sama sekali.<sup>44</sup>.

Pada tempat lain dalam kitab yang sama beliau mengatakan bahawa: “*Jahalah* perawi ialah orang yang tidak diketahui terdapat komentar yang baik atau kritikan tertentu padanya.”<sup>45</sup> Ketika membicarakan tentang kecacatan-kecacatan pada kredibiliti perawi dalam tempat yang lain, beliau berkata: “*al-Jahalah*, faktornya adalah disebabkan 1. seorang perawi terkadang disebutkan dengan pelbagai pengenalan; nama, *kuniyyah*, gelaran, pekerjaan dll, tetapi dia disebutkan dengan pengenalan yang dia tidak dikenali dengan pengenalan tersebut... 2. terkadang dia mempunyai sedikit hadis dan tidak ramai yang meriwayatkan daripadanya 3. jika disebutkan namanya (dalam sanad) dan hanya seorang sahaja perawi yang meriwayatkan daripadanya, dia adalah *Majhul al-‘Ain* 4. jika terdapat dua orang atau lebih yang meriwayatkan daripadanya, akan tetapi tidak terdapat komentar ulama tentangnya dia adalah *Majhul al-Hal* dan dia juga adalah *al-Mastur*.<sup>46</sup>

<sup>43</sup> Al-Iraqi, ‘Abd al-Rahim bin al-Husain. 1428H. Alfiyah al-Iraqi. Riyadh: Dar al-Minhaj. Hlm. 119.

<sup>44</sup> Ibn Hajar. 2000. Nuzhat al-Nazar. Damacus:Matba’at al-Sabah. Hlm. 101-102

<sup>45</sup> Ibn Hajar. *Op. cit.* Hlm. 107.

<sup>46</sup> *Ibid.* hlm. 277.

Pada penjelasan kedua, jenis *majhul* yang disebutkan yang pertama dilihat lebih kepada istilah *mudallis*. Sedangkan jenis *majhul* yang kedua pula dilihat lebih kepada masalah perawi yang mempunyai sedikit hadis. Jenis *majhul* yang ketiga dan keempat adalah yang *majhul* yang diperkatakan oleh Imam al-Khatib al-Baghdadi dan Imam Ibn al-Salah.

Berdasarkan pandangan ulama awal dalam Ilmu Hadis tadi, ramai ulama setelah mereka yang mengikuti jejak mereka dalam menjelaskan maksud istilah *majhul*. Lalu mereka menjelaskan bahawa *Majhul al-'Ain* adalah perawi yang hanya meriwayatkan daripadanya seorang perawi sahaja dan diketahui personalitinya, iaitu melalui namanya, tetapi tidak diketahui kredibilitinya. *Majhul al-Hal* pula adalah perawi yang meriwayatkan daripadanya dua orang perawi atau lebih kerana diketahui personalitinya, iaitu namanya, tetapi tidak diketahui kredibilitinya kerana tidak terdapat komentar ulama tentangnya. *Mubham* pula adalah perawi yang tidak diketahui personaliti dan kredibilitinya iaitu kerana tidak diketahui nama dan juga kredibilitinya.<sup>47</sup> Mahmud Tahhan pula mendefinisikan *majhul* sebagai: perawi yang tidak dikenali personaliti dan sifatnya.<sup>48</sup>

## STATUS RIWAYAT PERAWI MAJHUL

Status riwayat perawi *majhul* didapati diperselisihkan oleh para ulama sebelumnya yang dikatakan oleh al-Iraqi (w 806 H). Bagi melihat pada perbezaan pandangan ulama pada masalah ini, berikut dibawakan beberapa pandangan mereka:

Imam Syafie (w 204 H), sebagai ulama awal yang menulis dalam ilmu hadis, beliau menyatakan bahawa para ulama tidak menerima riwayat daripada orang yang mereka tidak kenali. Begitu juga dengan perawi yang mereka tidak mengetahui tentang kejujuran dan kebaikannya.<sup>49</sup> Menurut beliau, Ibn Sirin (w 101 H), al-Nakhai (w 96 H) dan ramai lagi ulama daripada kalangan tabi'i yang berpendapat bahawa tidak boleh menerima riwayat kecuali daripada orang yang dikenali. Beliau lalu berkata: “Aku tidak menjumpai sesiapa pun daripada ahli hadis yang berbeza pandangan dalam perkara ini.”<sup>50</sup>

Ibn Rajab al-Hanbali (w 795 H) ada menukilkan pandangan Imam Ahmad (w 241 H) dalam masalah ini. Menurut beliau, Imam Ahmad secara umumnya berpandangan bahawa riwayat perawi *Majhul al-Hal* tidak sahih dan tidak diterima.<sup>51</sup> Beliau sendiri turut berpandangan bahawa hadis perawi yang tidak diketahui kejurumannya seperti perawi *Majhul al-Hal* adalah ditolak. Begitu juga halnya dengan perawi yang dikenali dengan selain daripada perkara yang berkaitan kejurumannya.<sup>52</sup>

Abu Daud (w 276 H) secara praktikalnya pernah menghukum satu hadis sebagai *dhaif* disebabkan terdapat dalam sanadnya seorang perawi *majhul*. Perawi tersebut adalah

<sup>47</sup> Lihat 'Itr, Nur al-Din. 1997. *Manhaj al-Naqdi fi 'Ulum al-Hadith*. Damsyiq: Dar al-Fikr. Hlm. 89-90.

<sup>48</sup> Mahmud Tahhan. 1996. *Taisir Mustalah al-Hadith, al-Riyad*: Maktabah al-Ma'arif. Hlm. 50.

<sup>49</sup> Al-Syafie, Muhammad bin Idris. 1990. *Ikhtilaf al-Hadith*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. Jld. 8. Hlm. 591.

<sup>50</sup> Al-Syafie, Muhammad bin Idris. 2001. *al-Umm*. Kaherah: Dar al-Wafa, jld. 6. Hlm. 112.

<sup>51</sup> Ibn Rajab, 'Abd al-Rahmān ibn Ahmad. *Sharh 'ilal al-Tirmidhi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jld. 2. Hlm 577.

<sup>52</sup> Ibid.

Muhammad bin Hassan. Beliau berkata: “Dia *majhul* dan hadis ini *dhaif*.<sup>53</sup> Begitu juga pandangan al-Bayhaqi (w 458 H).<sup>54</sup>

Ibn Hibban (w 354 H) berbeza dengan ulama lain dalam masalah ini. Bagi beliau, orang yang tiada kritikan pada kredibilitinya, dia adalah *thiqah* sehingga terdapat pandangan jelas tentang masalah kredibilitinya kerana orang ramai tidak dipaksa memutuskan suatu perkara yang mereka tidak mengetahuinya.<sup>55</sup> Imam al-Khattabi (w 388 H) pula menyatakan bahawa: “Hadis *dhaif* terbahagi kepada beberapa peringkat, yang terburuk adalah hadis palsu, kemudian hadis *al-Maqlub*, kemudian *al-Majhul*.<sup>56</sup> Pandangan ini menunjukkan bahawa hadis perawi *majhul* termasuk dalam kategori hadis *dhaif*.

Imam al-Haramain, Abdullah bin Yusuf al-Juwaini (w 478 H) berbeza pandangan dengan ulama lain kerana beliau berpandangan bahawa riwayat *Majhul al-Hal* atau *al-Mastur* tiada apa-apa hukum (taqawwuf) terhadapnya sehingga jelas keadaannya.<sup>57</sup>

Imam al-Zahabi (w 748 H) berpandangan bahawa hadis perawi *Majhul* daripada kalangan generasi tabi'in yang senior dan pertengahan boleh diterima atas dasar bersangka baik terhadap mereka. Hal ini dengan syarat tidak terdapat percanggahan serta kejanggalan dari sudut bahasa dalam hadis mereka. Hadis perawi *majhul* daripada kalangan generasi tabi'in yang junior pula perlu dihukum secara berhati-hati. Ia bergantung pada siapa yang meriwayatkan daripada mereka, adakah mereka berkredibiliti tinggi atau tidak. Adapun hadis perawi *majhul* daripada generasi atba' tabi'in dan seterusnya hadis mereka sangat *dhaif* terutamanya jika mereka bersendirian dalam periwayatan.<sup>58</sup>

Ibn Kathir (w 774 H) dilihat seolah-olah bersepakat dengan al-Zahabi dalam hal ini. Beliau berpandangan bahawa perawi *mubham* yang tidak disebutkan namanya atau disebutkan namanya tetapi tidak diketahui personalitinya, riwayatnya tidak diterima. Namun, jika dia daripada kalangan generasi tabi'in atau daripada kurun yang diakui baik, riwayatnya diterima atas dasar sokongan.<sup>59</sup> Bagi Imam al-Zarkasyi (w 794 H), riwayat perawi *Majhul al-'Ain* tidak diterima jika tidak terdapat sokongan daripada riwayat lain.<sup>60</sup>

Imam al-Iraqi (w 806 H) membawakan beberapa pandangan tentang riwayat perawi *Majhul al-'Ain*. Pandangan tersebut adalah:

<sup>53</sup> Abu Daud, Sulayman bin al-Asy'ath. 2009. Sunan Abu Daud. T.t: Dar al-Risalah al-Ilmiyyah. Jld. 7. Hlm. 542.

<sup>54</sup> al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husayn. 1997. Al-Asma' wa al-Shifat. T.t.: Dar al-Yayl. Jld. 2. Hlm. 362.

<sup>55</sup> Ibn Hajar, Ahmad bin °Ali al-°Asqalani. 2002. Lisan al-Mizan. T.t.: Dar-al-Basyair al-Islamiyyah. Jilid. 1. Hlm. 14.

<sup>56</sup> Al-Khattabi, Hamd bin Muhammad. 1932. Ma'alim al-Sunan. Aleppo: al-Matba'ah al-'Ilmiyyah. Jld. 1. Hlm 6.

<sup>57</sup> Al-Mardawi, 'Ali bin Sulaiman. 2000. Al-Tahbir fi Syarh al-Tahrir. Riyadh: Maktabah al-Rusyd. Jld. 4. Hlm 1902.

<sup>58</sup> Al-Zahabi, Muhammad bin Ahmad. 1967. Diwan al-Dhu'afa wa al-Matrakin wa Khalqun min al-Majhulin wa Thiqat fi him Lin. Mekah: Maktabah al-Nahdhah al-Hadithah. Hlm. 478.

<sup>59</sup> Ahmad Muhammad Syakir. 1979. *al-Ba'ith al-Hathith Sharh Ikhtisar 'Ulum al-Hadith*. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath. Hlm. 218.

<sup>60</sup> Al-Zarkasyī, Muḥammad bin Jamal al-Dīn (1998). Al-Nukat 'alā Muqaddimah Ibn al-Šalāh. Riyādh: Aḍwā al-Salaf. Jld. 3. Hlm. 382.

1. Ditolak. Pandangan ini adalah pandangan kebanyakkan ulama.
2. Diterima secara total. Menurut beliau, ini adalah pandangan ulama yang hanya mensyaratkan syarat muslim ke atas perawi.
3. Jika perawi yang meriwayatkan daripada perawi *Majhul al-'Ain* dikenali dengan mempunyai kebiasaan tidak meriwayatkan kecuali daripada perawi yang *thiqah*, maka riwayatnya diterima.
4. Jika seseorang perawi *Majhul al-'Ain* itu dikenali dengan perkara lain selain daripada keahlian dalam ilmu hadis seperti ahli zuhud dan perang, riwayatnya juga diterima.
5. Riwayatnya diterima jika terdapat komentar baik tentang kredibilitinya oleh salah seorang ulama *al-Jarh wa al-Ta'dil* meskipun hanya terdapat seorang perawi meriwayatkan daripadanya.<sup>61</sup>

Ibn Hajar (w 852 H) berpandangan bahawa riwayat *Majhul al-'Ain* adalah sama seperti riwayat *Mubham*, iaitu riwayatnya ditolak kecuali jika terdapat seorang ulama selain yang meriwayatkannya daripadanya serta memberi komentar baik tentang kredibilitinya. Jika orang yang memberi komentar baik terhadapnya adalah perawi yang meriwayatkan hadis daripadanya, ia juga boleh melayakkan hadisnya diterima sekiranya pemberi komentar tersebut adalah orang yang berautoriti. Adapun tentang riwayat *Majhul al-Hal*, beliau mengatakan bahawa terdapat segolongan ulama yang menerima tanpa syarat sedangkan majoriti ulama menolaknya. Namun begitu, beliau sepakat dengan Imam al-Haramain yang berpandangan bahawa tidak boleh memberi kata putus menerima atau menolak hadisnya sehingga jelas keadaannya.<sup>62</sup>

Dalam pengelasan jenis perawi dalam kitab beliau, *Taqrib al-Tahzib*, Ibn Hajar meletakkan perawi *al-Mastur* atau *Majhul al-Hal* di peringkat yang ketujuh. Perawi *Majhul al-'Ain* pula diletakkan dalam peringkat yang kesembilan.<sup>63</sup> Namun, beliau tidak menjelaskan status hadis bagi setiap peringkat tersebut. Menurut pandangan Ahmad Syakir, ulama yang menjelaskan tentang status hadis daripada pengelasan perawi oleh Ibn Hajar, status hadis perawi *al-Mastur* atau *Majhul al-Hal* adalah lemah. Bagi beliau, perawi di peringkat kedua dan ketiga hadisnya adalah sahih di peringkat pertama yang kebanyakannya terdapat dalam *al-Sahihayn*. Perawi di peringkat keempat pula hadisnya adalah sahih di peringkat kedua. Hadis kategori inilah yang dihukumkan hasan oleh al-Tirmizi dan didiamkan oleh Abu Daud. Manakala martabat seterusnya dianggap sebagai ditolak (mardud) melainkan jika terdapat riwayat-riwayat lain. Perawi-perawi di peringkat kelima dan keenam, riwayat mereka akan menjadi *hasan lighayrihi* jika diperkuatkan atau disokong oleh riwayat lain. Perawi di martabat ketujuh sehingga terakhir

<sup>61</sup> Al-Iraqi, 'A<sup>61</sup> Al-Khattabi, Hamd bin Muhammad. 1932. Ma'alim al-Sunan. Aleppo: al-Matba'ah al-'Ilmiyyah. Jld. 1. Hlm 6.

<sup>61</sup> Al-Mardawi, 'Ali bin Sulaiman. 2000. Al-Tahbir fi Syarh al-Tahrir. Riyadh: Maktabah al-Rusyd. Jld. 4. Hlm 1902.

<sup>61</sup> Al-Zahabi, Muhammad bin Ahmad. 1967. Diwan al-Dhu'afa wa al-Matrakin wa Khalqun min al-Majhulin wa Thiqat fi him Lin. Mekah: Maktabah al-Nahdhah al-Hadithah. Hlm. 478.

<sup>61</sup> Ahmad Muhammad Syakir. 1979. *al-Ba'ith al-Hathith Sharh Ikhtisar 'Ulum al-Hadith*. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath. Hlm. 218.

<sup>61</sup> Al-Zarkasyī, Muhammad bin Jamal al-Dīn (1998). Al-Nukat 'alā Muqaddimah Ibn al-Šalāh. Riyādh: Aḍwā al-Salaf. Jld. 3. Hlm. 382.bd al-Rahim bin al-Husain. 2002. Syarh al-Tabshirah wa al-Tazkirah. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jld. 1. Hlm. 350.

<sup>62</sup> Ibn Hajar, op cit. Hlm. 126.

<sup>63</sup> Ibn Hajar, Ahmad bin 'Aliyy (t.t.), *Taqrib al-Tahdhib*, Kaherah: al-Maktabah al-Tawqifiyyah. Hlm. 20.

hukumnya adalah da'if mengikut peringkat-peringkat hadis *dhaif*, iaitu daripada status jenis *dhaif* biasa, *munkar* sehingga palsu.<sup>64</sup>

Daripada penjelasan ini, diketahui bahawa riwayat perawi *al-Mastur* atau *Majhul al-Hal* adalah lemah di sisi Ahmad Syakir dan riwayat perawi *Majhul al-'Ain* pula sangat *dhaif*.

Selain menggunakan istilah *majhul*, Ibn Hajar juga didapati telah menggunakan istilah lain yang mempunyai kriteria yang sama dengan kriteria perawi *majhul* (iaitu tidak banyak meriwayatkan hadis dan tiada kritikan atau puji terhadap kredibilitinya). Jika perawi tersebut terdapat jalur lain yang menyokong (*mutābi'*) riwayatnya dia dinamakan *maqbul* (iaitu diterima) dan jika tiada jalur lain yang menyokong riwayatnya ia dilabel sebagai *layyin al-hadith*. Beliau meletakkan dua istilah ini pada peringkat yang keenam. Kedua-duanya boleh disifatkan sebagai *mastūr* menurut pembahagian Ibn Hajar dalam *Nuzhat al-Nazar*. Namun, beliau dalam kitab *Taqrib al-Tahzib* telah menggunakan istilah khusus bagi membezakan kedua-duanya iaitu *maqbul* dan *mastur*.

Daripada penjelasan-penjelasan tadi, dapat dilihat terdapat pelbagai pandangan tentang status riwayat perawi *majhul*. Walaupun kebanyakkan pandangan menolaknya atau menganggapnya *dhaif*, tetapi terdapat juga pandangan yang menerimanya. Kepelbagaiannya pandangan ulama dahulu akhirnya disimpulkan oleh ulama kontemporari sebagai:

Menurut Al-Albani, riwayat perawi *al-Mastur* atau perawi seumpama dengannya yang terdapat kebarangkalian mereka *thiqah* tidak dapat diputuskan sama ada diterima atau ditolak. Hukum status riwayat mereka adalah *mawquf* (tiada hukum) sehingga jelas keadaan mereka yang sebenar sebagaimana pendapat Imam al-Haramain. Riwayat mereka, bagi beliau boleh diterima jika terdapat ramai perawi *thiqah* yang meriwayatkan daripada mereka dan tidak terdapat kejanggalan dalam periyawatan mereka. Beliau turut menyatakan bahawa inilah pandangan kebanyakkan ulama mutakhir seperti Imam Ibn Kathir, al-Iraqi, Ibn Hajar dan lain-lain.<sup>65</sup>

Abdullah bin Yusuf al-Judai' pula menyatakan bahawa para ulama menggunakan alasan *al-Jahalah* sebagai faktor untuk mendhaifkan perawi jenis ini. Para ulama banyak menolak hadis mereka disebabkannya.<sup>66</sup>

Nur al-Din 'Itir berpandangan bahawa pandangan yang tepat daripada kebanyakkan ulama hadis dan ulama selain mereka adalah hadis perawi *majhul* ditolak. Meskipun terdapat pandangan yang menerima sepenuhnya, namun pandangan ini ditolak dan tidak boleh diambil kira.<sup>67</sup>

Mahmud Tahhan pula meletakkan perbahasan perawi *majhul* dalam kategori hadis yang ditolak.<sup>68</sup> Hal ini menunjukkan bahawa beliau menolak hadis perawi *majhul*.

<sup>64</sup> Ahmad Muhammad Syakir, op cit. Hlm. 101.

<sup>65</sup> Al-Albani, Nasir al-Din. Tamam al-Minah. Riyadh: Dar al-Rayah. Hlm. 20.

<sup>66</sup> Al-Jadi', Abdullah Yusuf. 2003. Tahrir Ulum al-Hadith. Beirut: Muassasah al-Rayyan. Hlm. 486.

<sup>67</sup> 'Itr, op cit. hlm. 90.

<sup>68</sup> al-Tahhan, Mahmud, 2004, Taysir Mustalah al-Hadith. Hlm. 150.

Hatim ‘Arif al-‘Awni berbeza pandangan daripada kebanyakkan ulama kontemporari. Bagi beliau, status hadis perawi *Majhul al-Hal* adalah *tawaqquf*, iaitu tiada hukum padanya sepertimana pandangan Imam al-Haramian dan al-Albani. Hadis mereka tidak boleh dihukum *dhaif* jenis ringan atau berat. Ia bergantung pada isi kandungannya. Begitu juga hukum hadis perawi *Majhul al-‘Ain*.<sup>69</sup> Muhammad ‘Awwamah pula berpandangan bahawa status riwayat perawi *majhul* tidak boleh dinilai sebagai *dhaif* meskipun ia juga bukan bermaksud hadisnya adalah sahih atau hasan. Apabila terdapat jalur lain yang menyokong riwayatnya, statusnya hadisnya boleh dinilai sebagai hasan sepertimana sebahagian hadis *dhaif*.

Berkaitan faktor *pendhaifan* perawi *majhul*, Imam Ibn Hibban ketika memberi komentar pada Abdullah bin al-Muammal beliau berkata: “Dia adalah seorang perawi yang mempunyai sedikit hadis dan dia adalah munkar. Tidak boleh menerima hadisnya jika dia bersendirian dalam meriwayatkannya. Hal ini kerana tidak jelas keadaannya di sisi kami untuk menerima hadis yang diriwayatkannya secara bersendirian...tidak patut bagi kami melabelkan *thiqah* terhadap orang yang kami tidak mengenalinya secara yakin. Hal ini berkemungkinan menyebabkan kami akan menghalalkan perkara yang haram dan mengharamkan perkara yang halal dengan riwayat orang yang tidak *thiqah* atau akan menyebabkan kami menyandarkan kepada Rasulullah SAW sesuatu yang baginda tidak katakan. Begitu juga tidak patut bagi kami untuk melabelkan sebagai *dhaif* orang yang tidak *dhaif*.”<sup>70</sup>

Imam al-Sakhawi pula berpandangan bahawa perawi *majhul* tidak diterima riwayatnya atas beberapa faktor: 1. Ijmak ulama tidak menerima hadisnya kerana perawi yang tiada *al-‘Adalah* tidak dapat digelar *thiqah*, 2. Disebabkan wujud keraguan padanya, iaitu sepertimana halnya perawi fasik, kanak-kanak dan orang kafir. 3. Tidak boleh mengikut sangkaan baik dalam masalah ini sepertimana tidak boleh mengikut sangkaan baik dalam masalah mengikut fatwa mufti yang diragui kelayakkannya.”<sup>71</sup>

## RIWAYAT PERAWI MAJHUL YANG DISAHIHKAN OLEH PARA ULAMA

Meskipun sepertimana yang dilihat sebelum ini secara teorinya ramai ulama yang berpandangan bahawa hadis perawi *majhul* adalah *dhaif*, namun dari segi pengamalan terdapat banyak hadis perawi yang *majhul* yang dinilai sahih oleh para penilai hadis. Antara riwayat tersebut adalah:

### Hadis Pertama

حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ عَمَّارٍ، وَدَاؤُدُّ بْنُ رُسْيِّدٍ، وَمُحَمَّدُ بْنُ الصَّبَّاحِ، قَالُوا: حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ بْنُ مُسْلِمٍ قَالَ: حَدَّثَنَا وَحْشَيٌّ بْنُ حَرْبٍ بْنَ وَحْشَيٍّ بْنَ حَرْبٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ وَحْشَيٍّ، أَكْهَمَ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا نَأْكُلُ، وَلَا نَشْبُعُ، قَالَ: «فَلَعْلَكُمْ تَأْكُلُونَ مُتَفَرِّقِينَ؟» قَالُوا: نَعَمْ، قَالَ: «فَاجْتَمِعُوا عَلَى طَعَامِكُمْ، وَادْكُرُو اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ، يُبَارِكُ لَكُمْ فِيهِ».

<sup>69</sup> Al-‘Uni. Hatim bin ‘Arif. 1421H. Khulasah al-Taksil li ‘Ilm al-Jarh wa al-Ta’wil. Dar ‘Alam al-Fawaid. Hlm 12.

<sup>70</sup> Ibn Hibban, op cit. Jld. 2. Hlm 28.

<sup>71</sup> Al-Sakhawi, op cit. Jld. 2. Hlm 60.

Hadis ini diriwayatkan oleh Ibn Majah,<sup>72</sup> Abu Daud,<sup>73</sup> Ahmad bin Hanbal,<sup>74</sup> al-Hakim<sup>75</sup> dan lain-lain.

Hadis ini dalam kitab-kitab tersebut kesemuanya bersumber daripada seorang perawi yang bernama Harb bin Wahsyi. Diketahui bahawa hanya anak beliau sahaja yang meriwayatkan daripada beliau<sup>76</sup> dan tiada komentar ulama muktabar tentang kredibiliti beliau. Namun, Ibn Hibban (w 354 H) menyenaraikan nama beliau dalam kitab al-Thiqat. Penyenaraian beliau ini menunjukkan seolah-olah beliau dikira *thiqah*. Namun, sepertimana yang dijelaskan sebelum ini bahawa Ibn Hibban bercanggah dengan kebanyakkan ulama dalam menilai kredibiliti perawi *majhul*. Disebabkan penyenaraian Ibn Hibban tersebut Ibn Hajar yang merupakan ulama mutaakkhirin menilai beliau sebagai maqbul dalam kitab beliau *Taqrib al-Tahzib* meskipun personaliti dan kredibiliti perawi ini tidak dapat dipastikan.

Berkaitan status hadis ini, al-Iraqi (w 806 H) menilainya sebagai *hasan*<sup>77</sup> begitu juga dengan Al-Munawi (w 1031 H).<sup>78</sup> Yahya bin Abu Bakar al-'Amiri (w 893 H) pula menilainya sebagai sahih.<sup>79</sup> Al-Albani menilai hadis ini sebagai *dhaif*. Namun disebabkan terdapat beberapa *syawahid* yang menyerupai hadis ini daripada sudut makna beliau menilainya sebagai *hasan*.<sup>80</sup>

## Hadis Kedua

حَدَّثَنَا وَاصِلُ بْنُ عَبْدِ الْأَعْلَى قَالَ: حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ فُضِيلٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَبِي نَصْرٍ، عَنْ مُسَاوِرِ الْحِمَرَى، عَنْ أُمِّهِ، عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّمَا امْرَأَةً مَاتَتْ وَرَوْجُهَا عَنْهَا رَاضٍ دَخَلَتِ الْجَنَّةَ".

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmizi,<sup>81</sup> Ibn Majah,<sup>82</sup> al-Tabarani,<sup>83</sup> al-Hakim,<sup>84</sup> dan lain-lain.

<sup>72</sup> Ibn Majah: Muhammad bin Yazid. (t.t.). al-Sunan. Tahqiq: Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi. Beirut: Dar al-Fikr. Jld. 2. Hlm. 1093. No. Hadis: 3286.

<sup>73</sup> Abu Daud, op cit. Jld. 3. Hlm. 346. No. Hadis: 3764.

<sup>74</sup> Ahmad bin Hanbal. Al-Musnad. 1995. Ed. Ahmad Shakir and Hamza Ahmad al-Zayn. Kaherah: Dar al-Hadith, 1995. Jld. 25. Hlm. 485. No. Hadis: 16078.

<sup>75</sup> Al-Hākim, Muhammad bin 'Abd Allah al-Naisābūrī. 1990. Al-Mustadrak 'ala al-Šohīhain. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmīyah. Jld. 2. Hlm. 113. No. Hadis: 2500.

<sup>76</sup> Ibn Abi Hatim, Abd al-Rahman bin Muhammad al-Razi. 1952. al-Jarh wa al-Ta'dil. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. Jld. 3. Hlm. 249. Ibn Hibban, Muhammad bin Hibban al-Bushti. 1973. al-Thiqat, Tahqiq Dr. Muhammad Abdul al-Ma'id Khana. Hyderabad: Dairah al-Ma'rif al-'Uthmaniah. Jld. 4. Hlm. 173.

<sup>77</sup> Al- 'Iraqi, 'Abd al-Rahim bin al-Husain. 1988. Al-Mughniy 'an Himl al-Asfar fi al-Asfar fi Takhrij ma fi al-Ahya' min al-Akhbar. Cet.1. Kaherah. Dar al-Hadith. Hlm. 435.

<sup>78</sup> Al-Munawi, Abdul Rauf. 1988. Faidh al-Qadir Syarah al-Jami' al-Saghir. Riyadh: Dar al-Nashr. Jld. 1. Hlm. 152.

<sup>79</sup> Al-Amiri, Yahya bin Abu Bakr. t.t. Bahjah al-Mahafil Wa Bughyah al-Amathil fi Talkhis al-Mujizat Wa al-Siar Wa Shamail. al-Madinah al-Munawwarah al-Maktabah al-'Ilmiyah. Jld. 2. Hlm. 242.

<sup>80</sup> al-Albani: Muhammad Nasir al-Din. 1995. Silsilah al-Ahadith al-Shahihah. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif. Jld. 2. Hlm. 269.

<sup>81</sup> al-Tirmizi, Muhammad bin 'Isa. (t.t). Sunan al-Tirmizi. Tahqiq: Ahmad Muhammad Syakir dan lain-lain, Beirut; Dar al-Turath al-'Arabi. Jld. 2. Hlm. 145. No. Hadis: 324.

<sup>82</sup> Ibn Majah, op cit. Jld. 1. Hlm. 595. No. Hadis: 1854.

<sup>83</sup> al-Tabrani, Sulayman bin Ahmad, Al-Mu'jam al-Kabir. Tahqiq: al-Sheikh Hamdi Abd al-Majid al-Salafi. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi. Jld. 23. Hlm. 374. No. Hadis: 884.

<sup>84</sup> Al-Hākim, op cit. Jld. 4. Hlm. 191. No. Hadis: 7328.

Hadis ini dalam kitab-kitab tersebut semuanya bersumberkan daripada dua orang perawi, iaitu Musawir al-Himyari dan ibu beliau yang tidak diketahui nama beliau. Diketahui bahawa hanya terdapat seorang sahaja yang perawi yang meriwayatkan daripada ibu beliau iaitu beliau sendiri<sup>85</sup> dan hanya terdapat seorang perawi sahaja yang meriwayatkan daripada beliau iaitu Abdullah bin ‘Abd al-Rahman.<sup>86</sup> dan tiada komentar ulama muktabar terhadap kredibiliti mereka berdua. Abdullah bin ‘Abd al-Rahman pula dinilai oleh para ulama sebagai thiqah.<sup>87</sup> Ibu beliau dinilai لا يُعرف حالها (iaitu tidak diketahui keadaannya) oleh Ibn Hajar.<sup>88</sup> Musawir al-Himyari pula disenaraikan oleh Ibn Hibban (w 354 H) dalam kitab al-Thiqat.<sup>89</sup> Disebabkan penyenaraian Ibn Hibban tersebut Ibn Hajar menilai beliau sebagai *maqbul*.<sup>90</sup>

Hadis ini meskipun diriwayatkan bersumberkan mereka berdua yang *majhul*, al-Tirmizi telah menilainya sebagai *hasan gharib*,<sup>91</sup> Al-Hakim pula menilainya sebagai *sahih*. Begitu juga dengan al-Zahabi.<sup>92</sup> Al-Albani pula menilainya sebagai *dhaif*.<sup>93</sup>

### Hadis Ketiga

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْعَلَاءِ أَبُو كُرْبَيْبٍ، وَسُفْيَانُ بْنُ وَكِيعٍ، قَالَا: حَدَّثَنَا أَبُو أَسَاطِةَ، عَنْ عَبْدِ الْخَمِيدِ بْنِ جَعْفَرٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا أَبُو الْأَبْرَدِ، مَوْلَى بْنِي حَطْمَةَ، أَنَّهُ سَعَى أَسِيدَ بْنَ ظَهَيرِ الْأَنْصَارِيِّ، وَكَانَ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحَدِّثُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الصَّلَاةُ فِي مَسْجِدٍ قُبَابُ كَعْمَرَةِ".

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmizi,<sup>94</sup> Ibn Majah,<sup>95</sup> al-Hakim,<sup>96</sup> dan al-Bayhaqi.<sup>97</sup>

Hadis ini dalam kitab-kitab tersebut kesemuanya bersumberkan daripada seorang perawi yang bernama Abu al-Abad. Menurut Ibn Hajar, nama beliau adalah Ziyad.<sup>98</sup> Hanya terdapat seorang sahaja yang meriwayatkan daripada beliau iaitu ‘Abd al-Hamid bin Ja’far<sup>99</sup> dan tiada komentar ulama muktabar terhadap kredibiliti beliau. Ibn Hibban (w 354 H) menyenaraikan nama beliau

<sup>85</sup> Ibn Hajar, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani. 1429H. Tahzib al-Tahzib. Tahqiq: Ibrahim al-Zaybaq ‘Adil Mursyid. Muassasah al-Risalah. Jld. 12. Hlm. 484.

<sup>86</sup> Al-Mizzi, Yusuf bin Abdul al-Rahman al-Mizzi, 1980. Tahzib al-Kamal fi ‘Asma’ al-Rijal. Tahqiq Dr. Bashar ‘Awad Ma’ruf. Beirut: Muassasah al-Risalah. Jld. 27. Hlm. 425.

<sup>87</sup> Ibn ‘Abd al-Barr, Abu ‘Umar Yusuf bin ‘Abdillaah. 1405. Al-Istigna fie Ma‘rifah Al-Masyhurin min Hamalah Al-‘Ilm bi Al-Kuna. Riyadh: Dar Ibn Taimiyyah. Hlm. 870.

<sup>88</sup> Ibn Hajar, Ahmad bin ‘Ali al-‘Asqalani, 1986, Taqrib al-Tahdhib. Ed. Muhammad Awamah, Syria: Dar al-Rushd. Hlm. 759.

<sup>89</sup> Ibn Hibban, op cit. Jld. 5. Hlm. 580.

<sup>90</sup> Ibn Hajar, op cit. Hlm. 527.

<sup>91</sup> al-Tirmizi, op cit. Jld. 3. Hlm. 458.

<sup>92</sup> Al-Hakim, op cit. Jld. 4. Hlm. 191.

<sup>93</sup> Al-Nawai, Yahya bin Syaraf. T.t. Riyad al-Salihin. Tahqiq Nasir al-Din al-AlBani. Beirut: al-Maktab al-Islami. Hlm. 161.

<sup>94</sup> al-Tirmizi, op cit. Jld. 2. Hlm. 145. No. Hadis: 324.

<sup>95</sup> Ibn Majah, op cit. Jld. 1. Hlm. 453. No. Hadis: 1411.

<sup>96</sup> Al-Hakim, op cit. Jld. 1. Hlm. 662. No. Hadis: 1792.

<sup>97</sup> Al-Bayhaqi, Ahmad bin Husein bin Ali. 1410. Syu’ab al-Iman. Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah. Jld. 6. Hlm. 67. No. Hadis: 3892.

<sup>98</sup> Ibn Hajar, op cit. Hlm. 221.

<sup>99</sup> Al-Hakim, Muhammad bin Muhammad. 1994. Al-Asami wa Al-Kuna. Al-Madinah: Dar al-Ghuraba. Hlm. 626.

dalam kitab al-Thiqat.<sup>100</sup> Disebabkan penyenaraian Ibn Hibban tersebut Ibn Hajar menilai beliau sebagai *maqbul*.<sup>101</sup>

Hadis ini dinilai *hasan sahih* oleh al-Tirmizi sendiri.<sup>102</sup> al-Munawi menukilkan dua pandangan ulama terhadap hadis ini, iaitu yang pertama daripada al-Iraqi dan yang kedua daripada Ibn al-'Arabi. Al-Iraqi berpandangan bahawa semua perawi hadis ini adalah *thiqah*<sup>103</sup> yang menunjukkan bahawa hadis ini sahih dan Abu al-Abad juga *thiqah*. Ibn al-'Arabi pula berpandangan bahawa hadis ini *dhaif* dan lemah.<sup>104</sup> Al-Albani pula menilai sebaliknya iaitu hadis ini sahih.<sup>105</sup>

## PERBINCANGAN

Berdasarkan contoh-contoh di atas, semua hadis-hadis tersebut diriwayatkan melalui jalur perawi *majhul*. Malah, terdapat di antaranya tersebut yang diriwayatkan oleh dua orang perawi yang *majhul* secara berturut-turut. Kesemua mereka adalah *majhul al-'ain*, disebabkan hanya terdapat seorang perawi yang meriwayatkan daripada mereka dan tiada terdapat komentar ulama mengenai status kredibiliti mereka. Meskipun mereka *majhul*, hadis mereka dinilai *hasan* atau sahih oleh sesetengah ulama sepertimana yang dipaparkan. Penilaian ini seolah-olah menggambarkan bahawa status mereka sebagai perawi yang *majhul al-'ain* tidak memberi kesan terhadap kesahihan hadis mereka.

Jika dilihat dari sudut zaman mereka hidup, mereka semua merupakan senior tabiin<sup>106</sup> kecuali Musawir, beliau merupakan tabiin junior.<sup>107</sup> Berdasarkan kepada penilaian ulama terhadap hadis mereka, seolah-olah pandangan al-Zahabi dan Ibn Kathir bahawa bahawa riwayat perawi *majhul* daripada generasi tabi'in boleh diterima adalah diterimapakai oleh para ulama silam dan telah diaplikasikan oleh mereka dalam menilai hadis. Mungkin inilah prinsip yang digunakan oleh para ulama awal dalam menilai riwayat perawi *majhul*.

Penilaian ulama yang menilai hadis mereka sebagai *dhaif* adalah disebabkan mereka hanya berpandukan kepada fakta tentang ketiadaan komentar ulama terhadap mereka, bilangan perawi yang meriwayatkan daripada mereka hanya seorang perawi sahaja dan mereka mengaplikasikan syarat hadis *maqbul* pada riwayat-riwayat mereka tanpa mengambilkira aplikasi ulama dalam menerima hadis mereka.

---

<sup>100</sup> Ibn Hibban, op cit. Jld. 5. Hlm. 580.

<sup>101</sup> Ibid, Jld. 5. Hlm. 221.

<sup>102</sup> al-Tirmizi, op cit. Jld. 1. Hlm. 356. No. Hadis: 324.

<sup>103</sup> Al-Munawi, op cit. Jld. 4. Hlm. 244.

<sup>104</sup> al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. T.t. Sahih al-Jami' al-Shaghir. Damsyik: Al-Maktab al-Islami. Jld. 2. Hlm. 719.

<sup>105</sup> Ibid.

<sup>106</sup> Ibn Hajar, op cit. Hlm. 155, 759, 221.

<sup>107</sup> Ibid. 527.

## KESIMPULAN

Perawi *majhul* adalah sejenis perawi yang tiada kepastian tentang personaliti dan status kredibiliti mereka. Hal ini kerana tiada komentar ulama tentang status kredibiliti mereka dan hanya beberapa orang perawi yang meriwayatkan daripada mereka. Ketidakpastian ini menyebabkan mereka dianggap *dhaif* oleh sesetengah ulama dan begitu juga dengan hadis yang diriwayatkan oleh mereka. Namun, terdapat ulama yang menerima hadis mereka dan tidak menganggapnya sebagai *dhaif*. Mereka menganggap ketidakpastian tentang personaliti dan kredibiliti perawi tidak boleh dijadikan bukti tentang kedhaifan perawi. Bagi mereka, perawi *majhul* hanya dinilai *dhaif* jika terbukti terdapat percanggahan di antara riwayat mereka dengan riwayat perawi yang lebih berkerdibiliti atau wujud kesilapan dalam riwayat mereka. Contoh-contoh hadis yang dibawakan di atas menunjukkan bahawa terdapat ulama yang tidak menganggap hadis mereka sebagai *dhaif* meskipun mereka *majhul*. Pandangan al-Zahabi dan Ibn Kathir yang menganggap riwayat perawi *majhul* daripada generasi tabi'in boleh diterima berkemungkinan adalah satu pandangan yang benar yang patut dijadikan garis panduan dalam menilai hadis. Satu kajian yang lebih luas tentang perkara ini perlu dilakukan agar satu garis panduan baharu dalam menilai hadis terutamanya riwayat perawi yang berstatus *majhul* dapat diwujudkan.

## RUJUKAN

- Ahmad bin Hanbal. (1995). Al-Musnad (A. Shakir & H. A. al-Zayn, Eds.). Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ahmad Muhammad Syakir. (1979). al-Ba'ith al-Hathith Sharh Ikhtisar 'Ulum al-Hadith. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- Al-'Iraqi, 'Abd al-Rahim bin al-Husain. (1988). Al-Mughniy 'an Himl al-Asfar fi al-Asfar fi Takhrij ma fi al-Ahya' min al-Akhbar (1st ed.). Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-'Uni, Hatim bin 'Arif. (2000). Khulasah al-Taksil li 'Ilm al-Jarh wa al-Ta'dil. Dar 'Alam al-Fawaid.
- al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. (n.d.). Sahih al-Jami' al-Shaghir. Damsyik: Al-Maktab al-Islami.
- al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. Tamam al-Minah. Riyadh: Dar al-Rayah.
- al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. (1995). Silsilah al-Ahadith al-Shahihah. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Amiri, Yahya bin Abu Bakr. (n.d.). Bahjah al-Mahafil Wa Bughyah al-Amathil fi Talkhis al-Mujizat Wa al-Siar Wa Shamail. Al-Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-'Ilmiyah.
- al-Bayhaqi, Ahmad bin Husayn. (1990). Syu'ab al-Iman. Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.

al-Bayhaqi, Ahmad bin Husayn. (1997). Al-Asma' wa al-Shifat. (n.d.): Dar al-Yayl.

Al-Hākim, Muhammad bin ‘Abd Allah al-Naisābūrī. (1990). Al-Mustadrak ‘ala al-Ṣohīḥain. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah.

Al-Hakim, Muhammad bin Muhammad. (1994). Al-Asami wa Al-Kuna. Al-Madinah: Dar al-Ghuraba.

Al-Iraqi, ‘Abd al-Rahim bin al-Husain. (2007). Alfiyah al-Iraqi. Riyadh: Dar al-Minhaj.

Al-Iraqi, ‘Abd al-Rahim bin al-Husain. (2002). Syarh al-Tabshirah wa al-Tazkirah. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Judai’, Abdullah Yusuf. (2003). Tahrir Ulum al-Hadith. Beirut: Muassasah al-Rayyan.

Al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakar ‘Ali bin Thabit. (1972). Al-Kifayah fi ‘Ilm al-Riwayah. Kaherah: Al-Kutub al-Hadithah.

Al-Khattabi, Hamd bin Muhammad. (1932). Ma’alim al-Sunan. Aleppo: al-Matba’ah al-‘Ilmiyyah.

Al-Mardawi, ‘Ali bin Sulaiman. (2000). Al-Tahbir fi Syarh al-Tahrir. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.

Al-Mizzi, Yusuf bin Abdul al-Rahman. (1980). Tahzib al-Kamal fi ‘Asma’ al-Rijal (B. ‘Awad Ma’ruf, Ed.). Beirut: Muasasah al-Risalah.

Al-Munawi, Abdul Rauf. (1988). Faidh al-Qadir Syarah al-Jami’ al-Saghir. Riyadh: Dar al-Nashr.

Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf. (n.d.). Riyad al-Salihin (N. al-Din al-AlBani, Ed.). Beirut: al-Maktab al-Islami.

Al-Syafie, Muhammad bin Idris. (1990). Ikhtilaf al-Hadith. Beirut: Dar al-Ma’rifah.

Al-Syafie, Muhammad bin Idris. (2001). al-Umm. Kaherah: Dar al-Wafa.

Al-Tabisyi, Sultan Fahd. (n.d.). Al-Majhul al-Lazi Suhhaha Abu Hatim al-Razi Hadithahu. Hauliyyah Markaz al-Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah, 6(17).

al-Tabrani, Sulayman bin Ahmad. (n.d.). Al-Mu’jam al-Kabir (H. A. al-Majid al-Salafi, Ed.). Beirut: Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi.

al-Tirmizi, Muhammad bin ‘Isa. (n.d.). Sunan al-Tirmizi (A. M. Syakir et al., Eds.). Beirut: Dar al-Turath al-‘Arabi.

- Al-Zahabi, Muhammad bin Ahmad. (1967). *Diwan al-Dhu'afa wa al-Matrukin wa Khalqun min al-Majhulin wa Thiqat fi him Lin*. Mekah: Maktabah al-Nahdah al-Hadithah.
- Al-Zarkasyī, Muhammad bin Jamal al-Dīn. (1998). *Al-Nukat 'alā Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ*. Riyāḍh: Aḍwā al-Salaf.
- Ibn Abi Hatim, Abd al-Rahman bin Muhammad al-Razi. (1952). *al-Jarh wa al-Ta'dil*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali al-'Asqalani. (1986). *Taqrib al-Tahdhib* (M. Awamah, Ed.). Syria: Dar al-Rushd.
- Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali al-'Asqalani. (1997). *Nuzhah al-Nazar fi Taudih Nukhbah al-Fikar*. cAmman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah.
- Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali al-'Asqalani. (2000). *Nuzhat al-Nazar*. Damascus: Matba'at al-Sabah.
- Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali al-'Asqalani. (2002). *Lisan al-Mizan*. (n.d.): Dar-al-Basyair al-Islamiyyah.
- Ibn Hibban, Muhammad bin Hibban al-Bushti. (1973). *al-Thiqat* (M. A. al-M. Khana, Ed.). Hyderabad: Dairah al-Ma'rif al-'Uthmaniah.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid. (n.d.). *al-Sunan* (M. F. 'Abd al-Baqi, Ed.). Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Rajab, 'Abd al-Rahman bin Ahmad. (n.d.). *Sharh 'ilal al-Tirmidhi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Shalah, 'Utman bin 'Abd al-Rahman. (2001). *al-Muqaddimah*. Beirut: al-Maktabah al-'Ashriyyah.
- Ibn 'Abd al-Barr, Yusuf bin 'Abdillaah. (1985). *Al-Istigna fie Ma'rifah Al-Masyhurin min Hamalah Al-'Ilm bi Al-Kuna*. Riyadh: Dar Ibn Taimiyyah.
- Ibnu Manzur, Muhammad bin Mukram. (n.d.). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Shadir.
- Mahmud Tahhan. (1996). *Taisir Mustalah al-Hadith*. Al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- Mahmud Tahhan. (1996). *Taysir Mustalah al-Hadith*. Al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- Nur al-Din, 'Itr. (1981). *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith*. Damascus: Dar al-Fikr.
- Qasim Muhammad Ghanam, & Ahmad Abdullah Ahmad. (2004). *Al-Majhul 'inda al-Imam 'Ali ibn al-Madini*. Al-Manarah, 10(1).